

INFO PENDIDIKAN

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) ditubuhkan pada 29 Oktober 1971 sebagai Universiti Pertanian Malaysia melalui penggabungan antara Fakulti Pertanian Universiti Malaya dan Kolej Pertanian Malaya Serdang.

Universiti ini bermula dengan tiga buah fakulti iaitu pertanian, perhutanan dan kedoktoran veterinar dan Sains Penternakan dan terus kekal sebagai sebuah universiti tradisional yang memberikan tumpuan terutama kepada pendidikan ijazah pertama, penyelidikan dalam bidang pertanian dan bidang yang berkaitan.

Bagaimanapun, pada awal tahun 80-an, UPM

memperluaskan bidang tumpuannya dengan memasukkan bidang Sains dan Teknologi.

Pada tahun 1994, UPM memulakan satu rancangan yang bercita-cita tinggi untuk membina Universiti Masa Hadapan yang menyediakan sistem penyampaian yang lebih baik dan terkini dalam pendidikan sains dan teknologi dengan memanfaatkan bidang teknologi maklumat (IT) yang sedang pesat berkembang.

UPM bertukar dengan pesatnya menjadi kampus tanpa sempadan yang melampaui sempadan kebangsaan.